



PUBLIC BANK

LAPORAN TAHUNAN 2021

PERNYATAAN OLEH

TAN SRI DATO' SRI DR. TEH HONG PIOW

Pengasas, Pengerusi Emeritus, Pengarah dan Penasihat

“Asas kukuh yang dibina sejak sekian lama kini menampakkan hasil apabila Kumpulan Public Bank terus meraih laba dengan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM7.37 bilion dan keuntungan bersih milik pemegang saham sebanyak RM5.66 bilion pada tahun 2021. Dengan itu, Kumpulan dapat mengekalkan pulangan ekuiti bersih dua angka sebanyak 12.4%.”



TAN SRI DATO' SRI DR. TEH HONG PIOW

Pengasas, Pengerusi Emeritus,
Pengarah dan Penasihat

Tahun 2021 merupakan satu lagi tahun yang ketara tidak menentu. Kemunculan semula kes COVID-19 membawa kepada pelbagai langkah pengekangan yang menjejaskan perniagaan dan sentimen pengguna. Kesemuanya ini menyebabkan keadaan ekonomi menjadi amat mencabar.

Meskipun cabaran semakin memuncak yang diakibatkan oleh wabak COVID-19, Kumpulan Public Bank tidak berganjak daripada memenuhi tanggungjawabnya terhadap pihak yang berkepentingan dengannya.

Satu aktiviti utama yang Kumpulan Public Bank terus memberikan tumpuan dan komited ialah memastikan pelanggan yang terkesan oleh wabak itu menerima bantuan yang diperlukan. Kumpulan bekerjasama rapat dengan Kerajaan dan Bank Negara Malaysia (“BNM”) dalam menyediakan moratorium pinjaman dan pelbagai bantuan pembayaran balik sejak bermulanya wabak itu pada tahun 2020, selain memastikan akses kewangan yang berterusan kepada perniagaan, termasuk mempromosikan pelbagai skim pembiayaan yang dianjurkan oleh Kerajaan dan BNM.

BERSANDAR PADA ASAS YANG KUKUH

Tahun 2021 juga merupakan tahun Kumpulan Public Bank berhadapan dengan cabaran getir yang berterusan daripada tahun 2020 ketika wabak itu mula berlaku.

Justeru, tema bagi Laporan Tahunan 2021 kami “Menguasai Cabaran dengan Asas yang Kukuh” amat bersesuaian ketika Kumpulan Public Bank mengemudi keadaan bergelora yang diakibatkan oleh wabak COVID-19 itu.

Asas kukuh yang dibina sejak sekian lama kini menampakkan hasil apabila Kumpulan Public Bank terus meraih laba dengan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM7.37 bilion dan keuntungan bersih milik pemegang saham sebanyak RM5.66 bilion pada tahun 2021. Dengan itu, Kumpulan dapat mengekalkan pulangan ekuiti bersih dua angka sebanyak 12.4%.

Sebagai menghargai sokongan berterusan para pemegang saham, Lembaga Pengarah mengisytiharkan dividen berjumlah 15.2 sen untuk tahun kewangan 2021. Ini bersamaan dengan pembayaran dividen sebanyak RM2.95 bilion yang merupakan 52.2% daripada keuntungan bersih Kumpulan bagi tahun 2021.

Asas yang menyokong pencapaian Kumpulan Public Bank adalah prinsip integriti dan kebertanggungjawaban, yang diamalkan oleh Kumpulan sejak sekian lama. Semasa wabak COVID-19 berterusan, Kumpulan tidak berganjak daripada komitmennya terhadap tadbir urus yang baik, kredit berhemat dan pengurusan risiko serta kecemerlangan dalam perkhidmatan pelanggan.

Kumpulan Public Bank menyedari bahawa dunia sentiasa berkembang. “Menjalankan perniagaan seperti biasa” juga bermaksud wujudnya persekitaran perniagaan digital yang mana media sosial, e-dagang, mesyuarat maya dan apa sahaja yang boleh dibuat dengan hanya menyentuh atau meleret pada peranti bijak adalah suatu yang biasa. Semakin meluasnya perbankan digital, inisiatif pendigitalan yang proaktif sejak sekian lama telah membolehkan Kumpulan untuk terus memberi perkhidmatan kepada pihak-pihak yang berkepentingan dengannya yang secara perbandingannya tidak terganggu oleh wabak berkenaan. Dengan memanfaatkan platform digitalnya, Kumpulan juga menerokai peluang perniagaan yang lebih luas dengan kecekapan kos yang lebih baik.

BERUBAH SEIRING DENGAN MASA

Kumpulan Public Bank menerima pakai strategi yang ampuh dan berpandangan ke hadapan dalam proses pertumbuhannya. Selepas wujud lebih daripada setengah abad, pihak-pihak yang berkepentingan dapat diyakinkan oleh budaya korporat berintegriti yang diamalkan oleh Public Bank.

Kepada para pelanggan, Kumpulan Public Bank akan meneruskan budaya perkhidmatan cemerlang untuk memberi pengalaman pelanggan yang lebih baik, sama ada interaksi bersemuka atau dalam

talian. Dengan meneruskan pelbagai pendekatan dalam pemberian perkhidmatan, Kumpulan akan terus menggalakkan inovasi teknologi sebagai memenuhi harapan dan tuntutan para pelanggan.

Berkembang seiring dengan masa, asas yang satu tetap kukuh - Kumpulan Public Bank terus mendukung integriti yang tinggi dalam melaksanakan tanggungjawabnya sebagai penjaga dana umum. Ketika ekonomi merudum berikutan wabak COVID-19 yang berterusan, Kumpulan amat berhemat dalam mengurus imbalan kira-kira dan kualiti asetnya sepanjang tempoh yang tidak pernah berlaku itu dan akan meneruskan pengurusan risiko secara berhemat.

MASA HADAPAN YANG MAMPAN UNTUK SEMUA

Dari segi kemampuan, Kumpulan Public Bank menyedari kepentingan Alam Sekitar, Sosial dan Tabir Urus ("ESG") untuk Kumpulan dan pihak-pihak yang berkepentingan dengannya. Kumpulan komited dalam memberi pertimbangan terhadap ESG dalam keputusan perniagaan dan pengurusan operasinya. Dengan memanfaatkan peranannya sebagai penyedia kewangan utama di negara ini, Kumpulan mensasarkan untuk menggerakkan sejumlah RM40 bilion dalam pembiayaan mesra ESG menjelang tahun 2025.

Sambil menyokong tindakan sedunia dalam menghadapi risiko perubahan iklim, Kumpulan menyertai usaha bersama dalam mencapai sifar bersih pengeluaran gas rumah hijau menjelang tahun 2050. Komitmen untuk menghalang pembiayaan bagi aktiviti penggalian dan pengeluaran arang batu, serta sokongan bagi perniagaan pertanian yang mampan, antaranya, merupakan inisiatif penting Kumpulan dalam mempromosi perubahan kepada ekonomi rendah karbon.

Bekerja secara berkumpulan merupakan ciri-ciri istimewa Kumpulan Public Bank dan setiap orang dalam Kumpulan mempunyai peranan untuk dimainkan dalam perjalanan ESG ini. Kami meminta semua kakitangan untuk mengangap ESG ini sebagai isu segera dan mustahak. Pada peringkat Kumpulan Public Bank, program latihan yang menumpukan pada inisiatif ESG sedang dijalankan untuk mengukuhkan pembinaan kapasiti kakitangan.

TAHUN MENDATANG

Walaupun kami optimis sambil mengambil sikap berwaspada, tahun 2022 dijangka menyaksikan pemulihan ekonomi Malaysia secara berperingkat-peringkat. Pembukaan ekonomi dengan dagangan luar yang semakin baik akan terus menyokong aktiviti ekonomi. Sokongan dasar, bantuan stimulus dan kejayaan program suntikan COVID-19 yang masih dijalankan dijangka akan meningkatkan sentimen pengguna dan pelabur.

Dengan asas yang kukuh, Kumpulan Public Bank semakin meneguhkan kedudukannya dan amat bersedia untuk potensi peluang pertumbuhan. Setelah berjaya mengimbangi kunci kira-kira dan kualiti asetnya dengan baik sepanjang wabak COVID-19, Kumpulan sedang meletakkan kedudukannya untuk pemulihan ekonomi dengan jaminan yang kukuh bagi menghadapi keadaan yang tidak menentu.

TERHUTANG BUDI

Kumpulan Public Bank dan saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua pemegang saham, pelanggan, pengurusan dan kakitangan Kumpulan atas sokongan, keyakinan dan kepercayaan yang diberikan.

Penghargaan ikhlas kami juga ditujukan kepada Bank Negara Malaysia dan pihak berkuasa yang berkaitan atas usaha luar biasa mereka dalam memacu ekonomi negara ke arah pemulihan dan membantu industri perbankan dalam menghadapi krisis kesihatan pada masa ini.

Kumpulan Public Bank tidak hanya berjaya mengharungi semua cabaran, namun yang lebih penting, ia berjaya mempertahankan keteguhan, kemampanan dan kecekapannya sepanjang tempoh bergelora ini. Kumpulan akan terus berwaspada dan kekal teguh tatkala Kumpulan berusaha untuk meningkatkan nilai pemegang saham pada tahun-tahun mendatang.

TAN SRI DATO' SRI DR. TEH HONG PIOW

Pengasas, Pengerusi Emeritus, Pengarah dan Penasihat